



## **Pendahuluan**

Program Bulan Dakwah ini akan diadakan bermula dari bulan Februari dan berakhir pada bulan Mac 2009. Pelbagai cadangan aktiviti telah dirancang untuk Program Bulan Dakwah ini, diantaranya **Karnival Halal**. Kluster Ekonomi dan Keusahawanan akan menerajui serta melaksanakan karnival ini diperingkat negeri.

Tiga buah negeri telah dikenalpasti sebagai lokasi acara karnival ini, iaitu Terengganu Trade Centre, Kuala Terengganu, Terengganu mewakili zon Timur, Dewan Mellenium, Kepala Batas, Pulau Pinang mewakili Zon Utara dan Melaka International Trade Centre, Ayer Keroh, Melaka mewakili Zon Selatan.

## **Latar Belakang**

Konsep halal telah pun diterima secara luas oleh masyarakat bukan sahaja dalam negara malah telah pun diterima oleh masyarakat antarabangsa. Ianya merupakan satu bidang perniagaan baru yang mempunyai potensi yang luas. Dianggarkan nilai pasaran halal di dunia mencecah berbillion billion ringgit.

Walaupun bagaimanapun, tujuan karnival ini diadakan bukanlah bermaksud untuk usahawan-usahawan kecil menembusi pasaran global tersebut dengan segera tetapi lebih kepada memberi pengetahuan, pendidikan, pendedahan dan pada masa yang sama mendidik orang ramai mengenai bidang 'halal'.

Di dalam karnival ini, pihak penganjur bukan sahaja mengenengahkan produk-produk atau perkhidmatan halal sahaja malah telah memperluaskan konsepnya kepada perniagaan yang halal yang dituntut oleh Islam.

## **Objektif**

- 1) Memberi kesedaran kepada masyarakat tentang kepentingan ekonomi Islam sebagai cara hidup.
- 2) Menyediakan peluang dan potensi kepada masyarakat khususnya golongan muda melibatkan diri di dalam perniagaan.
- 3) Memberi peluang kepada usahawan Islam untuk memperniagakan produk-produk atau perkhidmatan halal yang berpotensi untuk maju.
- 4) Mendidik orang ramai mengenai pentingnya produk halal di zaman yang begitu mencabar terutama didalam negara yang berbilang kaum ini.

- 5) Memberi kepada para usahawan ini pendedahan skop perniagaan yang lebih luas dengan mendapatkan khidmat nasihat dan peluang-peluang yang lebih besar daripada agensi-agensi kerajaan yang bertanggungjawab yang terlibat samada dalam negeri atau luar negara.
- 6) Memberi pendedahan kepada para usahawan berkenaan pembangunan pemasaran, pembungkusan, jaringan perniagaan dan potensi untuk meluaskan peluang perniagaan diperingkat global.

### **Tema**

*“Perniagaan Halal Membawa Berkat”*

### **Penganjur**

*Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM)*

### **Penganjur Bersama**

Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MECD)

### **Dengan Kerjasama**

- 1) Kementerian Luar Bandar dan Wilayah
- 2) Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani
- 3) Kementerian Kesihatan
- 4) Kerajaan Negeri
- 5) Dewan Perniagaan Melayu
- 6) MARA
- 7) Yayasan TEKUN
- 8) KESEDAR
- 9) KETENGAH
- 10) SME BANK
- 10) Agensi-agensi yang berkaitan dengan pembangunan usahawan

## **Tarikh dan Tempat**

- 1) Tempat : Dewan Mellenium, Kepala Batas, Pulau Pinang  
Tarikh : **27 Februari hingga 1 Mac 2009**  
Masa : 10 pagi hingga 7 petang
  
- 2) Tempat : Terengganu Trade Centre, Kuala Terengganu, Terengganu  
Tarikh : **13 hingga 15 Mac 2009**  
Masa : 10 pagi hingga 7 petang
  
- 3) Tempat : Melaka International Trade Centre, Ayer Keroh, Melaka  
Tarikh : **3 hingga 5 April 2009**  
Masa : 10 pagi hingga 7 petang

## **Penyertaan**

Penyertaan dibuka kepada semua Usahawan Islam dengan bayaran penyertaan sebanyak RM 2,000.00 sahaja.

Sebanyak 100 ruang pameran disediakan bersaiz 3m x 3m termasuk kemudahan asas seperti meja, kerusi dan bekalan elektrik.

## **Program Utama dan Sampingan**

1. Pameran serta jualan produk
2. Dialog Bersama Agensi Terlibat
3. Persembahan
4. Pertandingan Persembahan Gerai Terbaik
5. Pertandingan Gerai Terbersih
6. Program dan Kempen Derma Darah



## **Borang Penyertaan Karnival Halal 2009**

### **A. Berkenaan Syarikat**

Nama Syarikat : .....

Alamat Syarikat : .....

No Telefon : ..... No Fax: .....

E-Mail : ..... No HP : .....

Pegawai Dihubungi : ..... Jawatan: .....

Bidang Perniagaan :

(Tandakan yang berkenaan )

- |  |   |  |  |   |
|--|---|--|--|---|
| <input type="checkbox"/> Minuman                     | <input type="checkbox"/> Kosmetik             | <input type="checkbox"/> Makanan Sejukbeku       | <input type="checkbox"/> Farmaseutikal             | <input type="checkbox"/> Hotel/Restoran/Francais      |
| <input type="checkbox"/> Makanan Ringan              | <input type="checkbox"/> Bahan Mentah Makanan | <input type="checkbox"/> Makanan Berasaskan Roti | <input type="checkbox"/> Herba / Makanan Kesihatan | <input type="checkbox"/> Berasaskan Ternakan & Tenusu |
| <input type="checkbox"/> Lain-lain, nyatakan : ..... |   |  |  |   |

Pemilikan Syarikat Bumiputera Sepenuhnya : Ya / Tidak

Jika Tidak, nyatakan pecahan peratusan : ..... % Bumiputera ..... % Lain-lain

Mempunyai Sijil Halal : Ya / Tidak Tarikh Tamat Sijil : .....

Dikeluarkan Oleh : .....

### **B. Ruang Pameran**

<b>Seberang Perai</b>	<b>@ Dewan Millenium</b>	<b>: 27 - 28 Februari &amp; 1 Mac 2009</b>
<b>Kuala Terengganu</b>	<b>@ Pusat Dagangan Terengganu</b>	<b>: 13 - 15 Mac 2009</b>
<b>Melaka</b>	<b>@ Melaka International Trade Centre (MITC)</b>	<b>: 27 - 29 Mac 2009</b>

*Nota : Saiz ruang pameran : 9 meter persegi (3m x 3m) termasuk 1 lampu, 1 meja, 1 kerusi, fascia board & 1 tong sampah)*

Tandakan pilihan  pada yang bersesuaian

#### **1. Harga 1 ruang pameran (berukuran 9m<sup>2</sup>) @ RM 2,000.00**

- |   |                                      |   |          |
|---|--------------------------------------|---|----------|
| <input type="checkbox"/> @ Seberang Perai   | ..... ruang pameran 9 m <sup>2</sup> | = | RM ..... |
| <input type="checkbox"/> @ Kuala Terengganu | ..... ruang pameran 9 m <sup>2</sup> | = | RM ..... |
| <input type="checkbox"/> @ Melaka           | ..... ruang pameran 9 m <sup>2</sup> | = | RM ..... |

**2. Harga 1 ruang pameran (berukuran 9m2) di 2 lokasi @ RM 3,000.00 (tandakan 2 kotak pilihan. Harga berdasarkan 1 ruang pameran 9m<sup>2</sup> di setiap lokasi sahaja)**

@ Seberang Perai                       @ Melaka                       @ Kuala Terengganu                      = RM 3,000.00

Tambahan 1 ruang pameran 9m<sup>2</sup> disetiap lokasi = RM 1,700

@ Seberang Perai                      Tambahan .....ruang pameran 9 m<sup>2</sup>                      = RM .....

@ Melaka                      Tambahan ..... ruang pameran 9 m<sup>2</sup>                      = RM .....

@ Kuala Terengganu                      Tambahan ..... ruang pameran 9 m<sup>2</sup>                      = RM .....

Jumlah = RM .....
-------------------

**3. Harga 1 ruang pameran (berukuran 9m2) di 3 lokasi @ RM 4,500.00 (tandakan 3 kotak. Harga berdasarkan 1 ruang pameran 9m<sup>2</sup> di setiap lokasi sahaja)**

@ Seberang Perai                       @ Kuala Terengganu                       @ Melaka                      = RM 4,500.00

Tambahan 1 ruang pameran 9m<sup>2</sup> disetiap lokasi = RM 1,500

@ Seberang Perai                      Tambahan ..... ruang pameran 9 m<sup>2</sup>                      = RM .....

@ Melaka                      Tambahan ..... ruang pameran 9 m<sup>2</sup>                      = RM .....

@ Kuala Terengganu                      Tambahan ..... ruang pameran 9 m<sup>2</sup>                      = RM .....

Jumlah = RM .....
-------------------

**C. Terma Bayaran**

Bank-in / Tunai : RM ..... Maybank2u / CIMB Clicks / Walk-in  
(Sila faks slip pembayaran)

No Cek : ..... RM : .....

Cek hendaklah dibuat atas nama :  
**YAYASAN DAKWAH ISLAMIAH MALAYSIA**  
 No. Akaun BIMB : **1402-3010-0005-97**  
 Cawangan KL Sentral, Tingkat Bawah  
 No. CS/3B/4, Blok 3B, 50470 Kuala Lumpur

.....  
Tandatangan

.....  
Cop Syarikat

Tarikh :

Jika terdapat sebarang pertanyaan, sila hubungi sekretariat :

**Sekretariat Karnival Halal 2009**  
**Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM)**  
Tingkat 5, Lot 10,  
Jalan Rahmat off Jalan Ipoh,  
50350 Kuala Lumpur



T 03.4043.7826 / 7812



F 03.4043.7835

Email : [karnivalhalal@yadim.com.my](mailto:karnivalhalal@yadim.com.my)

Web : <http://www.yadim.com.my>

*Nota* : Sila baca **Syarat & Peraturan** Penyertaan seperti di lampiran

## **Syarat & Peraturan Penyertaan**

### **1. Borang Penyertaan**

- i. Borang penyertaan Karnival Halal YADIM yang lengkap dengan tanda tangan dan cop syarikat mesti dihantar pada pejabat penganjur sebelum 31 Januari 2009.
- ii. Penyertaan akan dibenarkan sekiranya pihak penganjur menerima pembayaran PENUH sebelum tarikh akhir pembayaran yang telah ditetapkan didalam borang penyertaan.

### **2. Mengemukakan Sijil Halal Syarikat Yang Sah**

- i. Peserta karnival dikehendaki menyediakan sijil Halal yang masih sah dari badan pengesahan Halal yang diiktiraf Kerajaan Malaysia. Sekiranya syarikat dalam permohonan atau pembaharuan sijil Halal, sertakan surat dari pihak berkenaan.
- ii. Pihak penganjur berhak menentukan ketulenan sijil Halal untuk penyertaan dalam Karnival Halal YADIM ini.

### **3. Ruang Pameran (Booth) & Tempahan**

- i. Pihak penganjur hanya akan memperuntukan ruang pameran untuk peserta karnival yang telah menghantar borang penyertaan. Peserta karnival dibenarkan untuk memilih ruang pameran yang mereka kehendaki sekiranya pembayaran ruang pameran telah dibayar sepenuhnya.
- ii. Pihak penganjur memperuntukan hanya 14 hari dari tarikh borang penyertaan diterima untuk pembayaran penuh dibuat. Sekiranya tidak diterima, pihak penganjur berhak menyerahkan ruang tersebut kepada peserta yang lain.
- iii. Pengesahan ruang pameran akan dimaklumkan oleh pihak penganjur dalam masa 5 hari bekerja melalui surat (faks) atau email sejurus pembayaran penuh dibuat.

### **4. Peruntukan Ruang Pameran (Booth)**

- i. Pihak penganjur berhak mengubah kedudukan booth yang telah diperuntukan kepada peserta pada bila-bila masa sekiranya terdapat perubahan struktur ruang pameran (booth) di dewan pameran tersebut. Peserta tidak berhak mendapat apa-apa gantirugi disebabkan perubahan ini.

### **5. Penggunaan Elektrik & Perkakas**

- i. Jika peserta memerlukan penambahan pada pendawaian elektrik atau perkakasan yang lain, peserta perlu merujuk kepada pihak kontraktor yang telah dilantik oleh pihak penganjur sahaja.

### **6. Polisi Pembatalan Penyertaan**

- i. Jika peserta membatalkan penyertaan selepas pembayaran penuh dibuat, pihak penganjur TIDAK akan memulangkan semula pembayaran penuh tersebut.

### **7. Tanggungjawab Pihak Penganjur**

- i. Pihak penganjur bertanggungjawab menyediakan ruang pameran standard kepada peserta. Pihak Penganjur juga bertanggungjawab membuat promosi untuk menarik kehadiran pengunjung melalui media pengiklanan : radio, tv, suratkhbar utama, website & online advertisement, billboard, flyers dan brochures.

## **8. Pembatalan Pameran**

- i. Sekiranya berlaku keadaan dimana lokasi karnival tidak sesuai untuk di gunakan pada masa dan tarikh yang ditetapkan atau pihak penganjur sendiri yang tidak berupaya meneruskan karnival atas sebab-sebab tertentu yang diluar kawalan pihak penganjur, karnival ini akan dihentikan serta merta. Pihak penganjur akan memulangkan sejumlah wang pembayaran kepada pihak peserta mengikut kiraan hari bermula nya pembatalan tersebut sehingga hari akhir karnival.

## **9. Hak Pihak Penganjur**

- i. Sekiranya terdapat pembayaran yang masih belum dijelaskan sepenuhnya oleh peserta karnival, pihak penganjur berhak menghalang peserta karnival dari memasuki dewan pameran & sehari sebelum karnival tersebut.

## **10. Barangan Untuk Pameran**

- i. Semua barang atau produk peserta karnival hendaklah sentiasa berada di dalam kawasan ruang pameran yang ditetapkan untuk peserta karnival itu sahaja. Jika didapati barang atau produk mereka berada di luar kawasan ruang pameran, pihak penganjur berhak mengalihkannya dan menempatkan didalam stor pihak penganjur.

## **11. Perubahan**

- i. Pihak penganjur berhak mengubah lokasi, tarikh dan jangka masa pameran, jika keadaan memerlukan perubahan tersebut. Jika berlaku perubahan-perubahan ini, pihak penganjur berhak untuk tidak memulangkan pembayaran ruang pameran dan tiada sebarang tuntutan pampasan oleh peserta karnival.

## **12. Keselamatan dan Kebakaran**

- i. Semua peraturan keselamatan dan kebakaran didalam dewan hendaklah di patuhi dan diambil berat oleh peserta carnival. Sekiranya berlaku perkara-perkara ini, peserta karnival tahu dan berupaya menyelamatkan diri masing-masing. Merokok adalah dilarang sama sekali didalam dewan pameran. Peserta karnival juga dilarang menghalang sebarang laluan kecemasan dengan meletakkan barangan atau produk pameran. Pastikan barang dekorasi diruang pameran adalah dari bahan yang tidak mudah terbakar.

## **13. Penyewaan Ruang Pameran**

- i. Peserta adalah dilarang daripada menyewakan ruang pameran kepada pihak lain yang tidak mendaftar secara sah dengan pihak penganjur kecuali peserta telah membuat permohonan kepada penganjur sebelum berlangsung nya karnival.

## **14. Kehilangan Barang Peserta Karnival**

- i. Pihak penganjur tidak akan bertanggungjawab sekiranya berlaku kecederaan, kerosakan atau kecurian barang-barang, pada peserta karnival dan pekerja-pekerja syarikat peserta.